

## **PROGRAM CERAMAH MEMBINA KETERAMPILAN DIRI DAN IMEJ**

PUSPANITA Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) dengan kerjasama Kelab Kebajikan dan Sukan JKSM telah menganjurkan Program Ceramah Membina Keterampilan Diri pada 13 Mei 2016, Jumaat bertempat di Bilik Mesyuarat Utama JKSM. Program ceramah tersebut telah dikendalikan oleh Puan Muna 'Izzah Fadzil, Perunding Imej Seanggun Bidadari, SB Profesional Academy. Antara objektif program ini diadakan adalah untuk:

- a) Memberikan pendedahan kepada suri dan anggota wanita khususnya dan warga JKSM amnya mengenai tatacara membina keterampilan diri;
- b) Mengenalpasti kelemahan dan kekangan dalam membina keterampilan diri dan
- c) Meningkatkan keyakinan peserta dalam komunikasi sosial bagi meningkatkan imej jabatan

Program ceramah tersebut bermula pada jam 10.30 pagi dan berakhir pada 12.30 tengahari dengan penyertaan yang menggalakkan seramai 50 orang peserta.





